



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS TANDATANGAN MOU KERJASAMA
STRATEGIK PENUBUHAN PUSAT PENDIDIKAN
HIJAU PADANG CHEMPEDAK ANTARA MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP),
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DAN
URBANEST SDN. BHD.

TARIKH / MASA / TEMPAT

23 MAC 2021 (SELASA)

11.30 PAGI

DEWAN KENANGA
MENARA MBSP
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)

Yang Menjalankan Fungsi Sebagai Naib Canselor

Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak

Yang Berbahagia Profesor Dr. Marzita binti Puteh

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak

Yang Berbahagia Profesor Dr. Suriani binti Abu Bakar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd. Zahuri bin Khairani

Dekan

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak

Encik Karthigayan Gunasegaran

Pengarah Urusan

URBANEST Sdn. Bhd.

Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman

Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan Hj. Mohamad Najib bin Hj. Mohamed

Bendahari

Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak

Warga Kerja MBSP dan Wira-Wira Oren

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini di Majlis Menandatangani MOU Kerjasama Strategik Penubuhan Pusat Pendidikan Hijau Padang Chempedak Antara Majlis Bandaraya Seberang Perai, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Urbanest Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Profesor Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar

dan Alumni) yang menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Pulau Pinang, DSPN yang membawa gelaran Dato'. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Encik Karthigayan Gunasegaran, Pengarah Urusan URBANEST Sdn. Bhd. yang sudi hadir untuk menandatangani MoU untuk menjalin kerjasama strategik yang menggunakan menggunakan pendekatan *Smart Partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

Ahli-Ahli Majlis, Yang Berbahagia Dato' Profesor, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP telah ke hadapan dalam usaha mengurangkan penghasilan jejak karbon seterusnya mengekang peningkatan pemanasan global tidak melebihi 1.5 degree Celsius. *Seberang Perai Climate Action Strategy* telah menetapkan *Waste and Circular Economy* menjadi fokus dan segala tindakan di bawah fokus ini perlu dipergiatkan bagi mengekang pemanasan global. Satu rekod yang membanggakan Seberang Perai iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan GHG dari 8 ton CO2e pada tahun 2017 kepada 6.31 Ton CO2e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020. Manakala kadar kitar semula pada tahun 2020 telah mencapai 55.91% yang merupakan kadar pencapaian

tertinggi di Malaysia. Apabila tercetusnya Pandemik COVID19 dimana pada 18 Mac 2020 seluruh negara telah diletakkan di bawah PKP, MBSP telah segera merangka budget 2021 dengan memberi penekanan kepada *CIRCULAR ECONOMY* dan *DIGITAL ECONOMY* sebagai pemangkin ekonomi pasca covid19. Pada 19 September 2020 *Seberang Perai Circular Economy* telah dilancarkan dan pada Jun 2021 MBSP akan melancarkan *Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy* yang terperinci.

Ahli-Ahli Majlis, Yang Berbahagia Dato' Profesor, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pentadbiran MBSP telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada *philosopher* dari kalangan pensyarah universiti dan pemikir serta professional. Saya berpendapat menara gading dan pihak berkuasa tempatan seharusnya bergabung untuk menerokai kekuatan perkongsian supaya *Seberang Perai Circular Economy* dapat dimanfaatkan oleh rakyat. Seberang Perai boleh dijadikan makmal bergerak yang besar untuk melaksanakan *Research & Development* (R&D) dalam pembangunan "*Smart Sustainable City*".

Tanah seluas 1.4 ekar milik MBSP di Padang Chempedak SPU sedang dibangunkan melalui Kerjasama strategik MBSP, UPSI dan URBANEST untuk dijadikan sebagai Pusat Pendidikan Hijau atau *Edu-Green Centre*. Pusat Pendidikan ini akan dibangunkan berteraskan sistem akuaponik, fertigasi, kompos, kraf, dan penggunaan teknologi IOT & sensor. Kerjasama yang akan dijalankan adalah:-

- 1) MBSP, UPSI, dan Urbanest Sdn. Bhd akan mengadakan *Training of Trainers* (ToT) bagi pengkomposan, kebun komuniti, *upcycle*, *back yard gardening* dan *balcony gardening*. Wira yang dilatih akan menjadi *Trainers* dalam komuniti untuk menyebarkan luas *Circular Economy* supaya komuniti tidak terpinggir.

- 2) MBSP, UPSI, dan Urbanest Sdn. Bhd akan mengadakan :
 - i. Kursus dan bengkel kepada komuniti.
 - ii. Mengadakan kajian dan konsultasi.
 - iii. Menyediakan modul latihan dan bengkel.
 - iv. Bekerjasama dalam menyediakan dana dan mendapatkan sumbangan.

- v. Bekerjasama dalam mewujudkan pertandingan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
- vi. Memantau keberkesanan program.
- vii. Saling bertukar kepakaran dalam bidang masing-masing antara satu sama lain.

Melalui wujudnya *Edu-Green Centre* ini, adalah diharapkan ianya akan memberi impak kepada komuniti, dari segi meningkatkan taraf kesihatan, mewujudkan kepelbagaian inovasi serta mencipta peluang kepada belia untuk menjadi petani bandar, hasil dari latihan secara amali yang diberikan kepada pihak pelajar sekolah dan komuniti sekitar. Ini selaras dengan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi mewujudkan komuniti mampan, memastikan penduduk memahami konsep 8R, mengurangkan penjanaan sisa sebanyak 50%, mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan seterusnya menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon menjelang 2030.

**Yang Berbahagia Profesor, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat ke arah termeterainya Memorandum Persefahaman pada pagi ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata saya ini, saya amat berharap yang permeteraian Memorandum Persefahaman ini akan merancakkan bidang-bidang kerjasama yang sedia ada di antara MBSP, UPSI dan URBANEST di samping menjana kerjasama yang baru yang memberi impak dan manfaat kesejahteraan hidup ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022 dengan tagline MBSP iaitu “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*”.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.